

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN**

TARIKH : 24 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9308

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf kuasa polis Keningau memandangkan kegiatan-kegiatan ekonomi dan pertumbuhan kependudukan serta keperluan keselamatan telah bertambah dan meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) secara berterusan membuat perancangan untuk menambah baik kemudahan di tempat bekerja dan menambahkan perjawatan bagi balai-balai polis di seluruh negara. Ini selaras dengan pertumbuhan penduduk dan kegiatan-kegiatan ekonomi di dalam daerah berkenaan melalui projek-projek baharu yang dirancang atau menaik taraf kemudahan yang sedia ada untuk pertimbangan pihak Kerajaan.

Untuk kajian menaiktaraf infrastruktur dan mengukuhkan perjawatan di balai-balai polis serta di Ibu Pejabat Polis Daerah, pihak PDRM sedang membuat kajian menyeluruh di Semenanjung, Sabah dan Sarawak untuk dikemukakan kepada Agensi Pusat. Kajian yang dibuat adalah berdasarkan kepada kedudukan balai berkenaan serta fungsi dan beban tugas yang dipikul oleh balai berkenaan mengikut kategori berikut:-

- i) Balai Polis Metropolitan;**
- ii) Balai Polis Bandar;**
- iii) Balai Polis di Luar Bandar;**
- iv) Balai Polis di Pulau-pulau;**
- v) Balai Polis di Sempadan Antarabangsa;**
- vi) Balai Polis di Lapangan Terbang (antarabangsa dan domestik) serta di Pelabuhan-pelabuhan; dan**

- vii) Balai Polis di Kawasan Pendalaman, Kawasan Felda, Perkampungan orang asli, kampung-kampung baru dan sebagainya.

Faktor-faktor yang akan diambil kira adalah seperti berikut:-

- i) **Faktor sosial ekonomi, dilihat daripada segi pekerjaan, tahap ekonomi penduduk, kawasan industri, kawasan perbankan dan lain-lain lagi.**
- ii) **Faktor kompleksiti penugasan, dengan mengambil kira perkara-perkara yang perlu ada dalam mewujudkan sebuah balai atau ibu pejabat polis iaitu mesti ada(*Must have*), patut ada (*Should have*) dan elok jika ada (*Nice to have*)**

Selain daripada kajian pengukuhan perjawatan, kajian tersebut juga mengambil kira bebanan kewangan yang akan ditanggung oleh kerajaan daripada segi emolumen serta keperluan logistik yang lain. Oleh itu, perancangan menaik taraf balai polis akan mengambil kira faktor dan kriteria seperti dinyatakan di atas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN : 41

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan turut bercadang untuk menaikkan caj perkhidmatan penumpang (PSC) atau cukai lapangan terbang kepada syarikat penerbangan tambang rendah yang beroperasi di KLIA2.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan kadar caj bagi *Passenger Service Charge* (PSC) masih di dalam perbincangan di antara Kerajaan dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM). Untuk makluman Yang Berhormat, PSC hanya dikenakan kepada penumpang *outbound* dan bukannya kepada syarikat penerbangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 24 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN : 36

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah hasil siasatan yang terkini berkaitan nahas MH370 setelah hampir 3 tahun dan beberapa serpihannya yang didakwa telah dijumpai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pasukan penyiasat *Malaysian International Civil Aviation Organisation (ICAO) Annex 13 Safety Investigation Team For MH370* telah mengeluarkan *Interim Statement* pada ulang tahun pertama dan kedua kehilangan pesawat masing-masing pada Mac 2015 dan 8 Mac 2016 berhubung dapatan awal siasatan. Pada masa yang sama, operasi pencarian pesawat MH370 masih diteruskan bagi melengkapkan pencarian di dalam kawasan seluas 120,000 km persegi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sehingga kini bangkai (*main wreckage*) pesawat MH370 masih tidak ditemui. Walau bagaimanapun, sebanyak 22 serpihan (*debris*) dipercayai dari pesawat tersebut telah ditemui dan signifikan untuk dibuat pemeriksaan terperinci. Daripada jumlah tersebut, 3 serpihan yang dijumpai terdampar, masing-masing di La Réunion Island (flaperon kanan), Tanzania (sebahagian *outboard flap* kanan) dan Mauritius (*outboard flap* kiri) telah disahkan adalah serpihan MH370. Manakala 5 serpihan lagi telah dikenal pasti sebagai serpihan yang *almost certain* daripada MH370.